

Seorang lagi mangsa patah kaki dalam kejadian di tapak pembinaan MRT

Kren tumbang ragut nyawa pekerja

Oleh AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF

KUALA LUMPUR – Seorang pekerja pembinaan warga tempatan maut manakala seorang lagi patah kaki selepas sebuah kren gelangsar gantri tumbang dari ketinggian kira-kira 12 meter di tapak pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) di Jalan Jinjang di sini kelmarin.

Dalam kejadian pukul 11.40 malam itu, mangsa, Firdaus Abdul Mutalib, 41, disahkan meninggal dunia pada pukul 12.12 malam selepas terjatuh dari atas gelangsar gantri tersebut.

Difahamkan, ketika kejadian terdapat tiga mangsa warga tempatan termasuk Firdaus sedang mengendalikan gelangsar gantri sepanjang 96 meter itu sebelum ia tiba-tiba menggeluncur dan tumbang.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahman berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai insiden tersebut kira-kira pukul 11.49 malam.

“Seramai 30 pegawai dan anggota daripada Balai Bomba dan Penyelamat Jinjang, Sri Harta-



KEADAAN gelangsar gantri yang tumbang sehingga menyebabkan seorang maut di tapak pembinaan MRT di Jalan Jinjang, Kuala Lumpur kelmarin.

mas dan Hang Tuah bergegas ke lokasi kejadian.

“Anggota bomba menggunakan jentera Turn Table Ladder (TTL) untuk operasi menurunkan dua lagi mangsa yang terperangkap,” katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Gelangsar gantri atau dikenali

sebagai peluncur jambatan merupakan peralatan pembinaan yang digunakan untuk memasang keluli besar atau struktur dalam kerja-kerja pembinaan jambatan.

Menurut Khirudin lagi, salah seorang mangsa dikenal pasti sebagai Zulhelmi Arsyad, 24, dan



ZULHELMI yang mengalami patah kaki diberikan rawatan awal sebelum dihantar ke Hospital Selayang.

lelaki itu dilaporkan patah kaki kanan dan telah dihantar ke Hospital Selayang untuk menerima rawatan.

“Ketika kejadian, Zulhelmi difahamkan bersama seorang lagi rakannya, Asmawi Yahya berusia 38 tahun berada di atas gelangsar gantri berkenaan namun rakannya tidak mengalami sebarang kecederaan.

“Mangsa terakhir berjaya dibawa turun menggunakan TTL pada pukul 1.15 pagi dan operasi menyelamat tamat sepenuhnya pada pukul 2 pagi,” jelasnya.

Sementara itu, pemaju projek berkenaan, MMC-Gamuda KVMRT Sdn. Bhd. (MMC Gamuda) menjelaskan pemasangan gelangsar gantri untuk membina landasan MRT adalah mengikut prosedur keselamatan paling ketat dan selamat.

Bagaimanapun, bagi mengelak kejadian sama berulang, pihak MMC Gamuda telah melakukan pemeriksaan termasuk menjalankan prosedur keselamatan pada semua gelangsar gantri yang digunakan di tapak berkenaan.

“Tiada orang awam terlibat dalam insiden ini kerana ia berlaku di dalam kawasan tapak pembinaan.

“Kami bagi pihak MMC Gamuda, Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) dan anak-anak syarikat ingin merakamkan ucapan takziah dan simpati terhadap mangsa-mangsa yang terlibat,” kata kenyataan itu.